



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK ATAN BIN AHMAD,
STATION MASTER KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (KTMB)
BUKIT TIMAH
MENGENAI SEJARAH DAN PENGALAMAN BELIAU DI STESEN**

**NURUL HUSNA BINTI MOHAMED
(2019326003)
YASMINE ARISYA BINTI YAHYA
(2019544939)**

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2020-JULAI 2020

ISI KANDUNGAN

	Isi Kandungan	M/S
	Abstrak	i
	Penghargaan	ii
	Senarai Abreviasi	iii
	Senarai Singkatan	iv
	Rujukan Kata	v
1.0	Biodata Penemubual	
	1.1 Penemubual Pertama	1
	1.2 Penemubual Kedua	2
2.0	Biodata Tokoh	
	2.1 Biodata Tokoh	3
	2.2 Pengenalan kepada tokoh	4
3.0	Sejarah Lisan	
	3.1 Pengenalan	5-7
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	7
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	8-9
4.0	Kajian Literatur	
	4.1 Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)	10
	4.2 Keretapi Tanah Melayu Berhad Bukit Timah	11
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	
	5.1 Sesi Pertama	12-68
	5.2 Sesi Kedua	69-103
6.0	Log Temubual	
	6.1 Sesi Pertama	104-110
	6.2 Sesi Kedua	111-130
7.0	Ralat	131
8.0	Glosari	132-135
9.0	Indeks	136-138
10.0	Bibliografi	139

ABSTRAK

Sejarah lisan ini perlu dititikberatkan kerana terdapat banyak sejarah yang tidak dapat didokumentasikan secara terperinci mengenai peristiwa yang berlaku berkaitan dengan sektor pengangkutan awam iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Tujuan pendokumentasian sejarah lisan ini dibuat bertujuan untuk untuk merungkai dengan lebih mendalam tentang sejarah penubuhan stesen KTMB Bukit Timah di Singapura yang menjadi perhubung antara Malaysia-Singapura; untuk mengetahui peristiwa sejarah yang sebenar berlaku di stesen KTMB Bukit Timah; dan untuk merekodkan dan mendokumentasikan sejarah stesen keretapi Bukit Timah yang menjadi titik sejarah bagi negara Malaysia. Satu sesi temu bual bersama Encik Atan bin Ahmad yang telah berkhidmat selama 29 tahun telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat akan sejarah Keretapi Bukit Timah yang beroperasi di Singapura. Perkara ini juga merungkai pengalaman beliau semasa bertugas sama ada pengalaman dari segi pekerjaan ataupun pengalaman pahit dan manis. Seterusnya, membincangkan bagaimana tokoh mengendalikan stesen dan juga cabaran yang timbul sepanjang tempoh perkhidmatan. Akhir sekali, kajian ini membincangkan sumbangan dan harapan beliau dalam memajukan stesen keretapi Bukit Timah.

Kata kunci: Keretapi, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Malaysia-Singapura, Bukit Timah, Sejarah Lisan, Landasan, Stesen

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke atas ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa dan tenaga yang dianugerahkan kepada kami dapat juga kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Pertamanya, kami ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah tercinta kami, Puan Siti Noorsiah kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya membuka ruang untuk kami menyiapkan tugas ini dengan suksesnya.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami yang memberi kami pemudahcara untuk menyiapkan kerja kursus ini. Mereka telah memberikan kami segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sampai kami berjaya menghabiskan tugas ini.

Ucapan penghargaan ini juga kami tujukan kepada rakan-rakan yang banyak memberi peringatan terhadap setiap apa yang kami telah alpa. Mereka membantu dengan menjawab setiap pertanyaan yang kami uterakan kepada mereka.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
COVID-19	Coronavirus disease 2019
DIA	Diploma in Accountancy
IC	Identity Card
ITM	Institusi Teknologi MARA
JB	Johor Bahru
KTM	Keretapi Tanah Melayu
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
KTMD	Keretapi Tanah Melayu Distribution
MYRA	Malaysia Railway Academic
OKU	Orang Kurang Upaya
OT	Overtime
PTT	Powering Thailand's Transformation
RRI	Route Relay Interlock
Singtel	Singapore Telecommunications Limited
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TV	Televisyen
TNB	Tenaga Nasional Berhad
UTM	Universiti Teknologi Malaysia